



KONDUSIF & PRODUKTIF @ KKS2

# **GARIS PANDUAN PELAKSANAAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)**

**KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT 2**



**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN  
EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)**

**KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT 2  
EDISI 2020**

Cetakan pertama 2020

Hakcipta terpelihara

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau sebarang alat, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan rakaman serta sebagainya tanpa kebenaran bertulis Pihak Pengurusan Kolej Komuniti Segamat 2.

Diterbitkan oleh:

**KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT 2**

KM4, Jalan Jementah

85100 Segamat

Johor Darul Takzim

Tel: +60 7 – 9498 227

Faks: +60 7 – 9498 700

Laman web: <http://kksegamat2.jpkk.edu.my/>

Perpustakaan Negara Malaysia

Data-Pengkatalogan-dalam Penerbitan

**Unit Jaminan Kualiti (Unit EKSA)**

**Garis Panduan Pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) Kolej Komuniti Segamat 2**

**Edisi 2020**

# **JAWATANKUASA PENULISAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN EKSA KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT 2**

---

## **PENASIHAT**

NORIZAM BIN SEKAK  
PENGARAH  
KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT 2

## **PENGERUSI**

AHMAD SHAWAL BIN ALI  
TIMBALAN PENGARAH (AKADEMIK)

## **KETUA EDITOR**

AMIER HAFIZUN BIN AB RASHID

## **PENOLONG KETUA EDITOR**

HASIMAHWATI BINTI ABU YAMIN

## **EDITOR**

NORHANA BINTI SHAFEE  
NURZAIMA BINTI MAHMUD  
SITI FATIMAH BINTI PATKAR  
SITI NUR SHAFIQA BINTI ALI  
SITI NOOR ZIHAN BINTI HANIPAH  
MOHD HAIRI SHARIN BIN SAHARI

## **PENYUNTING**

NOOR HAWANIE BINTI AHMAD  
SALINA BINTI IDRUS

## **GRAFIK**

NUR HASYYATI BINTI MD GHAFAR

# SEKAPUR SIREH

---

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Illahi, kerana dengan izin-Nya Panduan EKSA KKS2 ini dapat diterbitkan. Tahniah dan Syabas diucapkan kepada Jawatankuasa Induk EKSA kerana berjaya menyediakan panduan ini. Penghargaan juga dititipkan buat seluruh warga KKS2 yang menjadi pendokong kuat dalam pelaksanaan EKSA yang berterusan di kolej ini.

Saya yakin dengan pelaksanaan EKSA ini mampu mewujudkan suasana persekitaran kerja yang kondusif serta memupuk semangat kerja berpasukan di KKS2. Ia juga akan menjadi satu platform yang dapat mendorong kecemerlangan diri melalui percambahan idea dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang dirancang. Adalah penting untuk memastikan budaya EKSA dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan, persekitaran yang bersih, selamat dan memenuhi kepuasan pelanggan.

Oleh itu komitmen dan kerjasama semua pihak adalah diperlukan kerana ia merupakan asas kepada keharmonian bekerja dalam organisasi. Semoga usaha murni ini dapat membantu semua warga kolej dalam merealisasikan kejayaan pelaksanaan EKSA di Kolej Komuniti Segamat 2.

**“PRODUKTIF & KONDUSIF @ KKS2”**

Sekian,

Pengarah

Kolej Komuniti Segamat 2

Kementerian Pengajian Tinggi

# SENARAI KANDUNGAN

Isi Kandungan	Halaman
Jawatankuasa Penulisan Garis Panduan Pelaksanaan EKSA Kolej Komuniti Segamat 2	i
Sekapur Sireh	ii
<b>SEPINTAS LALU</b>	<b>1 – 2</b>
<b>1.0 KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT 2 SEPINTAS LALU</b>	<b>2</b>
1.1 VISI KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT 2	2
1.2 MISI KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT 2	2
1.3 LIMA TERAS STRATEGIK	2
<b>MEMAHAMI EKSA</b>	<b>3 – 6</b>
<b>2.0 MEMAHAMI EKSA</b>	<b>4</b>
2.1 TUJUAN EKSA	5
2.2 OBJEKTIF EKSA	6
<b>HALATUJU EKSA</b>	<b>7 – 9</b>
<b>3.0 HALATUJU EKSA KKS2</b>	<b>8</b>
3.1 LOGO EKSA KKS2	8
3.2 SLOGAN EKSA KKS2	8
3.3 PENERANGAN LOGO EKSA KKS2	8
3.4 VISI EKSA KKS2	9
3.5 MISI EKSA KKS2	9
3.6 OBJEKTIF EKSA KKS2	9
3.7 IKRAR EKSA KKS2	9
<b>PENUBUHAN EKSA</b>	<b>10 – 19</b>
<b>4.0 PENUBUHAN EKSA KKS2</b>	<b>11</b>
4.1 PENUBUHAN JAWATANKUASA	11
4.2 PEMBAHAGIAN ZON EKSA DAN PERSEKITARAN	11
4.2.1 NAMA-NAMA ZON	11
4.2.2 PEMBAHAGIAN ZON EKSA DAN PERSEKITARAN	12
4.3 CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA EKSA	13
4.3.1 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA EKSA	15
4.3.2 PERANAN AHLI- AHLI KUMPULAN EKSA	17

Isi Kandungan		Halaman
4.3.3	SUDUT EKSA	18
4.4	MEWUJUDKAN ZON EKSA	18
4.5	LATIHAN	18
4.6	PELAKSANAAN AUDIT DALAM	19
<b>PANDUAN PELAKSANAAN EKSA</b>		<b>20 – 46</b>
<b>5.0</b>	<b>PANDUAN PELAKSANAAN EKSA MENGIKUT KOMPONEN</b>	<b>21</b>
5.1	KOMPONEN B (RUANG TEMPAT KERJA / PEJABAT)	21
5.1.1	KOMPONEN FIZIKAL	21
5.1.2	KOMPONEN KEPERLUAN UMUM	22
5.1.2.1	Ruang Kerja Staf	22
5.1.2.2	Bilik Ketua Program	23
5.1.2.3	Bilik Pegawai (Mengikut Kesesuaian)	23
5.1.2.4	Susun Atur di Bawah Meja	25
5.1.2.5	Peralatan yang di Benarkan Berada di <i>Workstation</i>	25
5.1.3	STOR UTAMA	29
5.1.4	STOR UNIT	30
5.1.5	BILIK FAIL	30
5.1.5.1	Kabinet Dokumen Kerajaan	30
5.1.5.2	Kabinet Fail Berkunci	31
5.1.5.3	Fail Ditutup / Fail Dilupus	31
5.1.5.4	Label Fail / <i>File Indexing</i>	32
5.1.6	BILIK PEMANDU	32
5.1.7	BILIK SERVER UTAMA	32
5.2	KOMPONEN C (TEMPAT UMUM)	34
5.2.1	KAUNTER UTAMA (PENTADBIRAN)	34
5.2.2	RUANG TAMU PENTADBIRAN	34
5.2.3	LALUAN UTAMA/ KORIDOR	34
5.2.4	BILIK PERSIDANGAN / WAR ROOM / RUANG MESYUARAT	35
5.2.5	PERPUSTAKAAN	35
5.2.6	SURAU / BILIK SOLAT	36
5.2.7	PANTRI	36
5.2.8	TANDAS	37

Isi Kandungan		Halaman
5.3	KOMPONEN D (KESELAMATAN PERSEKITARAN)	38
5.3.1	PELAN TINDAKAN KECEMASAN	38
5.3.2	PENDAWAIAN / KABEL	39
5.3.3	PERALATAN PENCEGAHAN KEBAKARAN	39
5.3.4	LALUAN / TANGGA KECEMASAN	40
5.3.5	KUNCI	40
5.3.5.1	Sistem Maklumat Kunci versi Laman Sesawang	41
5.3.5.2	Sistem Maklumat Kunci versi Capaian Kod QR	41
5.4	KOMPONEN E (KAWASAN PERSEKITARAN JABATAN)	43
5.5	KOMPONEN F (TEMPAT KHUSUS)	44
5.5.1	DEWAN KULIAH / BILIK SEMINAR / BILIK KULIAH / BILIK MASAK / BILIK JAHITAN / BENGKEL ELEKTRIK / DEWAN UTAMA	44
5.5.2	KAFETARIA	44
5.5.3	PARKIR	44
5.5.4	GELANGGANG SERBAGUNA	45
5.5.5	BILIK GIMNASIUM / BILIK SUKAN	45
5.5.6	MAKMAL KOMPUTER	45
5.5.7	BENGKEL	46
<b>PENUTUP</b>		<b>47 – 48</b>
6.0	<b>PENUTUP</b>	<b>48</b>
<b>LAMPIRAN:</b>		<b>49 – 76</b>
<b>KOMPONEN PEMARKAHAN AUDIT PEMATUHAN EKSA (MAMPU)</b>		
A.	<b>KRITERIA EKSA GENERIK:-</b>	<b>50</b>
	KOMPONEN A: KOMPONEN GENERIK (KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN)	50
	KOMPONEN B: RUANG TEMPAT KERJA / PEJABAT	54
	KOMPONEN C: TEMPAT UMUM	60
	KOMPONEN D: KESELAMATAN PERSEKITARAN	65
	KOMPONEN E1 (AGENSI MEMPUNYAI BANGUNAN DAN KAWASAN SENDIRI): KAWASAN PERSEKITARAN JABATAN	67
B.	<b>KRITERIA EKSA KHUSUS:-</b>	<b>69</b>
	KOMPONEN F	69
C.	<b>KAEDAH PENGIRAAN PURATA MARKAH KESELURUHAN (PERATUS)</b>	<b>76</b>





KONDUSIF & **PRODUKTIF** @ KKS2

# SEPINTAS LABU

## **1.0 KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT 2 SEPINTAS LALU**

### **1.1 VISI KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT 2**

Menjadi Peneraju Institusi TVET yang unggul.

### **1.2 MISI KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT 2**

- Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf
- Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat
- Membangunkan graduan holistic, berciri keusahawanan dan seimbang
- Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan

### **1.3 LIMA TERAS STRATEGIK**

- Memastikan graduan TVET berkualiti
- Melestarikan institusi kondusif
- Memperkaya bakat
- Mengolah reka bentuk sistem pendidikan
- Memantapkan perkongsian industri dan komuniti.



KONDUSIF & **PRODUKTIF** @ KKS2

# MEMAHAMI EKSA

## 2.0 MEMAHAMI EKSA

MAMPU telah mengambil inisiatif untuk menambahbaik pelaksanaan Amalan 5S yang kini dijenamakan semula kepada Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA). Langkah ini selaras dengan usaha memperkukuhkan budaya organisasi berprestasi tinggi dan inovatif dalam kalangan agensi-agensi sektor awam melalui penyediaan persekitaran, budaya kerja serta nilai yang menjadi amalan seluruh warga agensi sektor awam.

Secara khususnya, penjenamaan semula ini dilaksanakan bertujuan untuk membolehkan agensi kerajaan:

- a) Meningkatkan imej korporat;
- b) Menyemarakkan aktiviti kreativiti dan inovasi selaras dengan tuntutan pihak berkepentingan;
- c) Menggalakkan aktiviti ke arah mewujudkan persekitaran hijau melalui pembudayaan *Go Green*;
- d) Memperluas pelaksanaan di agensi-agensi Kerajaan bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif; dan
- e) Memastikan elemen pengauditan memenuhi keperluan kepelbagaian agensi Kerajaan.

Selain daripada itu, EKSA juga memperkenalkan model penilaian dan pengauditan baharu yang merangkumi Kriteria Generik dan Kriteria Khusus dengan turut mengambil kira kepelbagaian premis agensi Kerajaan mengikut jenis-jenis perkhidmatan yang diberikan. Pendekatan one-size-fits-all yang dipraktikkan sebelum ini didapati kurang memadai untuk memenuhi keperluan kepelbagaian agensi Kerajaan pada masa ini. Justeru, penilaian EKSA ini akan disesuaikan mengikut lokaliti agensi yang diaudit.


Kesimpulannya, EKSA yang diperkenalkan ini bukan bertujuan untuk menggantikan konsep 5S yang telah sedia ada diamalkan, sebaliknya menambah baik elemen 5S tersebut dengan menyokong kepada pewujudan persekitaran kerja yang kondusif.

## 2.1 TUJUAN EKSA



- Pelaksanaan EKSA mempunyai matlamat yang sama untuk mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti, sistematik dan praktikal.
- Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) yang berkesan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan, menjimatkan kos dan memudahkan proses kerja.
- EKSA yang cekap, berkesan dan konsisten akan memberi nilai tambah kepada imej korporat jabatan.

Dalam usaha pembudayaan dan pengekalan persekitaran berkualiti dan kondusif KKS2 melaksanakan aktiviti seperti sisih, susun, sapu, seragam dan sentiasa amal dengan pelaksanaan gotong-royong secara berkala



## 2.2 OBJEKTIF EKSA



### 1. Imej Korporat

Mempamerkan imej korporat mengikut agensi / jabatan dengan mengurangkan hiasan yang berlebihan.

### 2. Persekitaran Kerja Kondusif

Susun atur kelengkapan dan peralatan pejabat yang kemas dan teratur serta sentiasa bersih dan tidak berhabuk agar dapat memelihara persekitaran yang kondusif dan berkualiti.

### 3. Kepelbagaian Agensi

Setiap agensi sektor awam akan diaudit oleh pihak MAMPU dengan menggunakan Kriteria EKSA yang bersesuaian mengikut jenis agensi dan kluster jabatan tertentu.

### 4. Kreativiti & Inovasi

Menggalakkan pelaksanaan kreativiti dan inovasi yang boleh meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja warga agensi.

### 5. Go Green

Pelaksanaan Go Green digalakkan bagi menyokong kempen guna semula, kitar semula dan penjimatan.



KONDUSIF & **PRODUKTIF** @ KKS2

# HALATUJU EKSA

### 3.0 HALATUJU EKSA

#### 3.1 LOGO EKSA KOLEJ KOMUNITI SEGAMAT 2



#### 3.2 SLOGAN

“KONDUSIF & PRODUKTIF @ KKS2” : Meletakkan Kolej Komuniti SEGAMAT 2 sebagai sebuah organisasi yang menjadi peneraju di dalam sistem EKSA dan sentiasa ke hadapan mengatasi segala cabaran.

#### 3.3 PENERANGAN LOGO

DAUN	: 'e' bercorak daun & berwarna hijau melambangkan interaksi warga KKS2 terhadap alam semula jadi & persekitaran dengan mengamalkan budaya Go Green.
WARNA PUTIH	: simbol kebersihan, suci, kepolosan, dan kemurnian yang menggambarkan kebersihan yang perlu dilaksanakan dalam EKSA mengikut amalan EKSA.
WARNA HIJAU	: menggambarkan persekitaran kerja yang tenang, damai dan ceria di pelbagai peringkat warga KKS2.
WARNA HITAM	: menghasilkan perkataan EKSA dan lambang kekuatan, elegan dan formaliti. Warna apa pun jika digandingkan dengan warna hitam akan tampak lebih bagus dan menonjol sekaligus menyatakan bahawa kekuatan KKS2 terbina daripada kerjasama yang erat antara setiap warga dalam melaksanakan EKSA.
PERKATAAN EKSA	: melambangkan pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam di kalangan warga KKS2.



### 3.4 VISI EKSA KKS2

Menjadikan Kolej Komuniti Segamat 2 pusat pembelajaran sepanjang hayat yang unggul dengan iltizam menyediakan suasana dan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang selamat dan selesa di samping memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada peserta kursus pendek dan pelajar sepenuh masa melalui pembudayaan amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) yang berterusan.

### 3.5 MISI EKSA KKS2

1. Menyediakan persekitaran dan suasana kerja yang selesa dan selamat.
2. Mewujudkan pengurusan persekitaran berkualiti secara sistematik.
3. Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan operasi di tempat kerja.
4. Menguruskan sumber jabatan secara optima dan komited untuk mengelakkan pembaziran.
5. Melahirkan warga kolej yang kreatif dan inovatif serta menghayati alam sekitar.

### 3.6 OBJEKTIF EKSA KKS2

Menampilkan persekitaran kerja yang berkualiti secara sistematik dan berterusan mengikut piawaian yang ditetapkan dan memastikan pembudayaan amalan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) yang cekap dan berkesan ke arah menyumbang kepada kecemerlangan Jabatan memaksimumkan penggunaan sumber dan mengelakkan pembaziran.

### 3.7 IKRAR EKSA

“Maka kami, warga kerja Kolej Komuniti Segamat 2 berikrar untuk mengamalkan standard pelaksanaan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) secara konsisten selaras dengan slogan kami “KONDUSIF & PRODUKTIF @ KKS2” demi mewujudkan budaya bekerja yang berkualiti, berinovatif, dinamik dan berdaya saing.”



KONDUSIF & **PRODUKTIF** @ KKS2

# PENUBUHANAN EKSA

## 4.0 PENUBUHAN EKSA KKS2

Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) dapat dilaksanakan secara tersusun melalui pengurusan yang mantap dan kerjasama semua warga kerja yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- Menubuhkan Jawatankuasa Pelaksana EKSA.
- Penyediaan terma dan panduan rujukan yang jelas sebagai rujukan warga kerja.
- Pelan perancangan tindakan kerja yang menepati jadual pelaksanaan
- Mewujudkan zon kerja EKSA.
- Mengadakan program-program latihan berkaitan EKSA.
- Mengadakan perjumpaan berkala antara fasilitator dengan ketua zon.
- Memantau keberkesanan pelaksanaan EKSA secara berterusan melalui pengauditan berkala.
- Mengkaji semula dan menentukan langkah-langkah penambahbaikan secara berterusan.

### 4.1 PENUBUHAN JAWATANKUASA

Pembentukan Jawatankuasa Pelaksana EKSA bertujuan meningkatkan penyertaan semua warga jabatan/agensi dalam melaksanakan EKSA di samping mewujudkan budaya penambahbaikan berterusan serta semangat kerja berkumpulan warga KKS2 kearah mencapai prestasi dan budaya kerja yang cemerlang.

### 4.2 PEMBAHAGIAN ZON EKSA DAN PERSEKITARAN

#### 4.2.1 NAMA-NAMA ZON


1. ZON CITRUS
2. ZON BLOSSOM
3. ZON AQUA A
4. ZON AQUA B
5. ZON LAVENDER

#### 4.2.2 PEMBAHAGIAN ZON EKSA DAN PERSEKITARAN




### 4.3 CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA EKSA KKS2

## CARTA ORGANISASI JAWATANKUASA INDUK UNIT EKSA 2020



## CARTA ORGANISASI KESELURUHAN JAWATANKUASA UNIT EKSA 2020



#### 4.3.1 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB JAWATANKUASA EKSA


BIL	JAWATANKUASA	BIDANG TUGAS
1	Induk EKSA	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menentukan hala tuju pelaksanaan EKSA</li> <li>▪ Membentuk pelan pelaksanaan</li> <li>▪ Menetapkan dasar, peraturan dan garis panduan yang bersesuaian dengan jabatan</li> <li>▪ Mengenalpasti ahli jawatankuasa, pemudah cara dan ketua zon</li> <li>▪ Menetapkan sistem penghargaan dan anugerah</li> <li>▪ Mengawas dan menilai kemajuan pelaksanaan (dengan bantuan JK Audit)</li> <li>▪ Memberi galakan untuk penyertaan dalam aktiviti EKSA (dengan bantuan JK Promosi)</li> <li>▪ Melatih dan membimbing pekerja ke arah pembentukan amalan-amalan EKSA (dengan bantuan JK Latihan)</li> </ul>
2	Pelaksana	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menentukan halatuju keseluruhan pelaksanaan EKSA.</li> <li>▪ Membentuk pelan tindakan pelaksanaan EKSA</li> <li>▪ Menetapkan dasar, peraturan serta garis panduan.</li> <li>▪ Menentukan belanjawan serta sumber-sumber kewangan.</li> <li>▪ Melantik penyelaras, ketua jawatankuasa kecil dan fasilitator.</li> </ul>
3	Pegawai Kualiti	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengawasi dan menilai kemajuan pelaksanaan dengan bantuan jawatankuasa kecil (Latihan, Promosi, Audit Dalam).</li> <li>▪ Memantau kemajuan pelaksanaan EKSA melalui contoh amalan terbaik.</li> <li>▪ Menetapkan sistem pengiktirafan/ penghargaan.</li> </ul>
4	Fasilitator	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Memberikan latihan dan panduan kepada ketua dan ahli kumpulan.</li> <li>▪ Membantu mengurus aktiviti-aktiviti promosi.</li> <li>▪ Menjadi perantara untuk menyampaikan maklumat terkini antara pihak pengurusan dengan kumpulan.</li> </ul>
5	Setiausaha Induk	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menyimpan rekod utama dan minit berkaitan dengan pelaksanaan EKSA Jawatankuasa Pelaksana.</li> <li>▪ Menyediakan laporan keseluruhan Jawatankuasa Pelaksana EKSA (Kombinasi laporan J/K Promosi, Audit Dalaman dan J/K Latihan).</li> </ul>

BIL	JAWATANKUASA	BIDANG TUGAS
6	Jawatankuasa Latihan	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti latihan bagi memupuk amalan EKSA kepada semua warga kerja dalam organisasi.</li> <li>▪ Mengenalpasti jenis latihan yang diperlukan dari masa ke semasa bagi mengukuhkan aktiviti EKSA (contohnya taklimat EKSA untuk pelajar, taklimat EKSA untuk peserta kursus pendek, kuiz, kursus audit dalaman untuk J/K Audit dalam, lawatan sambil belajar dan sebagainya).</li> <li>▪ Menyelaras dan memastikan setiap warga kerja diberikan latihan EKSA secukupnya.</li> <li>▪ Menyediakan dokumentasi yang berkaitan (gambar-gambar dan laporan).</li> <li>▪ Minit mesyuarat jika berkaitan.</li> </ul>
7	Jawatankuasa Promosi	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti promosi EKSA.</li> <li>▪ Mengenalpasti aktiviti/kempen promosi bagi memupuk kesedaran penyertaan bagi menjayakan pelaksanaan EKSA (contohnya Majlis Pelancaran 5S, Majlis penyampaian zon cemerlang EKSA, banner, bunting, t-shirt, baju korporat dan sebagainya).</li> <li>▪ Menganalisis keberkesanan aktiviti promosi yang telah dilaksanakan.</li> <li>▪ Menyediakan sudut EKSA.</li> <li>▪ Melaporkan status pelaksanaan aktiviti dan tahap kesedaran EKSA dan <i>Go Green</i> di kalangan warga.</li> <li>▪ Menyediakan dokumentasi yang berkaitan (gambar-gambar dan laporan).</li> <li>▪ Minit mesyuarat jika berkaitan.</li> <li>▪ Mewujudkan dan mempromosikan aktiviti berkaitan dengan kitar semula contohnya mewujudkan sudut kitar semula.</li> </ul>
8	Jawatankuasa Audit	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menyediakan kriteria dan senarai semak audit dalaman EKSA.</li> <li>▪ Menentukan kekerapan aktiviti audit dalaman EKSA (secara berkala dan mengejut).</li> <li>▪ Menyediakan laporan penemuan dan analisis keputusan audit dalaman EKSA dan analisis utiliti penjaminan.</li> <li>▪ Menyemak kriteria audit dalaman EKSA dari semasa ke semasa mengikut keperluan.</li> <li>▪ Merancang aktiviti pra-audit (dari awal menentukan tarikh pra-audit, urusan dengan MAMPU contohnya perlu mengisi borang pendaftaran sebelum pra-audit dan audit akhir)</li> <li>▪ Merancang aktiviti audit pensijilan.</li> <li>▪ Menyediakan dokumentasi yang berkaitan (gambar-gambar dan laporan keseluruhan termasuk laporan penambahbaikan).</li> <li>▪ Minit mesyuarat jika berkaitan.</li> </ul>



BIL	JAWATANKUASA	BIDANG TUGAS
9	Ketua Zon	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Mengadakan mesyuarat secara berkala dengan ahli-ahli kumpulan.</li> <li>▪ Menggalakkan penglibatan semua ahli dalam pelaksanaan aktiviti EKSA.</li> <li>▪ Merancang aktiviti kumpulan (PelanTindakan Zon).</li> <li>▪ Memberikan maklum balas mengenai status pelaksanaan EKSA kepada fasilitator.</li> <li>▪ Membantu memberikan panduan dan tunjuk ajar.</li> <li>▪ Menyediakan dokumentasi dan laporan zon (termasuk laporan penambahbaikan). (gambar sebelum dan selepas, tag merah dan tag kuning, pegawai yang bertanggungjawab untuk setiap lokasi zon dan peralatan, dan sebagainya).</li> <li>▪ Menyediakan tatacara, pelan lantai setiap lokasi, ganjaran kepada ahli.</li> <li>▪ Menyediakan sudut EKSA zon masing-masing.</li> </ul>
10	Setiausaha Zon	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Menyimpan rekod utama dan minit berkaitan dengan pelaksanaan EKSA di Zon.</li> <li>▪ Merangka surat lantikan ahli Jawatankuasa Zon.</li> </ul>

#### 4.3.2 PERANAN AHLI- AHLI KUMPULAN EKSA



### 4.3.3 SUDUT EKSA

Setiap Zon hendaklah mewujudkan Sudut EKSA di lokasi yang strategik untuk perkongsian maklumat oleh semua ahli dan kakitangan.

Maklumat yang perlu dipamerkan:

1. Visi dan misi Amalan EKSA
2. Objektif Amalan EKSA
3. Carta Organisasi
4. Pelan lokasi kawasan/zon EKSA
5. Ringkasan Aktiviti Latihan, Promosi dan Audit Dalaman
6. Ringkasan Aktiviti Zon
7. Maklumat kumpulan
8. Rekod aktiviti sebelum dan selepas pelaksanaan sesuatu aktiviti Amalan EKSA

Sudut EKSA hendaklah berimejkan korporat (hiasan yang tidak keterlaluan) dan tarikh kemaskini perlu dipaparkan.

### 4.4 MEWUJUDKAN ZON EKSA

- i) Tujuannya adalah untuk mewujudkan kawasan bertanggungjawab kumpulan bagi memudahkan pelaksanaan dan pengawasan EKSA.
- ii) Pembahagian zon hendaklah dijelaskan melalui pewujudan pelan lokasi zon bagi memudahkan rujukan.

### 4.5 LATIHAN

Tujuan latihan EKSA adalah untuk mendalami pengetahuan berkaitan dengan EKSA selain untuk membudayakan EKSA kepada warga KKS2.

Antara latihan/program yang perlu diikuti bagi meningkatkan kefahaman:

- Program Kesedaran EKSA
- Kaedah Amalan dan Pelaksanaan EKSA
- Audit Dalaman EKSA


#### 4.6 PELAKSANAAN AUDIT DALAM

Audit dalam EKSA perlu dilaksanakan sebagai penilaian sendiri pelaksana EKSA. Audit dalam ini perlu dijadualkan secara berkala untuk memastikan setiap bahagian membuat penambahbaikan secara berterusan. Audit Dalaman dijalankan oleh juruaudit yang dilantik Pengarah KKS2 dan berfungsi sebagai penilai sendiri EKSA di KKS2.

Tujuan audit dalaman dijalankan:

1. Mendapatkan maklumat berkenaan status amalan EKSA berbanding keperluan sebenar.
2. Mendapatkan maklumat berkenaan kekuatan dan kelemahan amalan EKSA bagi bahagian yang diaudit.
3. Dapatan daripada pelaksanaan Amalan EKSA akan digunakan sebagai asas untuk cadangan penambahbaikan.
4. Digunakan sebagai faktor motivasi untuk melaksanakan penambahbaikan secara berterusan (KAIZEN) serta meningkatkan dan menggalakkan aktiviti-aktiviti kreativiti dan motivasi.
5. Memastikan aktiviti EKSA dijalankan secara berterusan untuk memupuk kesedaran dan menjadikannya sebagai satu budaya di tempat kerja.

Pengerusi Jawatankuasa Audit Dalam EKSA hendaklah melaporkan penemuan audit dalam kepada pengerusi Jawatankuasa Pelaksana EKSA atau ketua Jabatan bagi memaklumkan kepada warga kerja jabatan. Teguran audit dihebahkan kepada warga kerja semasa perhimpunan bulanan KKS2. Zon yang dikategorikan “teguran audit” diberi tempoh penambahbaikan sebelum pasukan audit melakukan lawatan semula ke zon-zon.



Markah purata Cemerlang layak Pensijilan EKSA



KONDUSIF & **PRODUKTIF** @ KKS2

# PANDUAN PELAKSANAAN EKS

## 5.0 PANDUAN PELAKSANAAN EKSA MENGIKUT KOMPONEN

KKS2 melaksanakan pelbagai ciri amalan baik dalam pelaksanaan EKSA mengikut ruang/persekitaran kerja di jabatan. Berikut adalah contoh-contoh pelaksanaan EKSA yang dipraktikkan di KKS2.

### 5.1 KOMPONEN B (RUANG TEMPAT KERJA/PEJABAT)

#### 5.1.1. KOMPONEN FIZIKAL

##### B1. Lantai : Berkeadaan bersih mengikut kriteria & pemantauan dipatuhi

- Memastikan lantai memenuhi kriteria berikut:
- Selamat dan tidak licin
- Tiada kekotoran/ sampah dilantai
- Tidak berlubang/pecah atau rosak
- Tong sampah disediakan
- Menyediakan program pemantauan dan memastikan jadual pembersihan dipatuhi.



##### B2. Dinding & Siling : Berkeadaan baik, bersih & selaras imej korporat

- Memastikan dinding dan siling bersih dari kekotoran, habuk dan dalam keadaan baik.



##### B3. Lampu, penghawa dingin & soket : Berfungsi dan berkeadaan baik

- Memastikan semua lampu dan penghawa dingin bersih, berfungsi dan dalam keadaan baik.
- Memastikan soket elektrik berfungsi dan dalam keadaan baik.




### 5.1.2. KOMPONEN KEPERLUAN UMUM


#### B4. Susun Atur Peralatan : Laci meja & peralatan meja seragam, teratur & kemas

- Menyeragamkan susunan laci meja/ mobile pedestal.
- Memastikan peralatan kerja di ruang kerja/kubikel dalam keadaan teratur dan kemas :
  - i) Komputer disusun secara seragam antara satu sama lain di dalam unit yang sama.
  - ii) *Tray in/out/KIV*(jika ada)
  - iii) Folder/ fail maksimum antara 1 hingga 5 fail (jika ada) dan perlu diletakkan bersebelahan *Tray in/out/KIV*
  - iv) Menyediakan hiasan yang bersesuaian 1 – 3 jenis dan seragam di dalam unit/bahagian masing-masing dan perlu selaras dengan imej korporat.
  - v) Kedudukan laci meja / mobile pedestal di bawah *Tray in/out/KIV*
  - vi) Hanya sepasang (1) kasut sahaja atau sepasang (1) selipar dibenarkan diletak di bawah meja dan kedudukannya hendaklah disusun secara seragam.


#### 5.1.2.1 RUANG KERJA STAF



**5.1.2.2 BILIK KETUA PROGRAM**




**5.1.2.3 BILIK PEGAWAI (MENGIKUT KESESUAIAN)**




**CONTOH 1**

CONTOH 2




CONTOH 3





#### 5.1.2.4 SUSUN ATUR DI BAWAH MEJA



#### 5.1.2.5 PERALATAN YANG DIBENARKAN BERADA DI KAWASAN WORKSTATION

##### (i) ATAS MEJA

- Segala peralatan di atas meja disusun dengan kemas dan rapi.
- Ruang kerja 1/3 dari luas meja.
- Plug/kabel di ikat menggunakan spiral cable wrap, cable ties dan kemas.
- Fail disusun kemas, maksimum 5 fail (jika ada) bersebelahan Tray in/out/KIV
- Tray in/out/KIV (jika ada)
- Cop hendaklah dilabel dengan sistematik (nombor) (jika ada) bagi memudahkan capaian
- Info pergerakan pegawai.



(ii) **BAWAH MEJA / TEPI MEJA**

- Selipar atau kasut maksimum 1 pasang (jika ada)
- Kotak A4 maksimum 2 kotak (jika ada)
- Laci meja / mobile pedestal di bawah Tray in/out/KIV



(iii) **KUBIKEL**

- Nama penuh staf
- Kod QR Maklumat pegawai / staf
- Info pergerakan pegawai / staf



(iv) **LACI**



- Laci atas: **ALAT TULIS**
  - Perlu pengasingan/dikategorikan mengikut jenis dan tidak berlebihan
  - Disusun dengan kemas mengikut kreativiti pegawai dan mudah untuk dicapai
- Laci tengah: **RASMI** (Dokumen berkaitan kerja jika ada)
- Laci bawah: **BARANGAN PERIBADI**
  - Barangan peribadi (Contoh: beg tangan, ubat-ubatan dll)

(v) **KABINET KAYU GELONGSOR**



- Mewujudkan label diluar kabinet
- Senaraikan perincian fail di dalam kabinet
- Pastikan kandungan diletakkan dalam keadaan kemas dan tersusun
- Fail perlu diletakkan indeks rujukan fail (nombor dan nama fail) bagi memudahkan fail dicapai sekiranya fail melebihi 5 tajuk.

(VI) **PERSEKITARAN**

- Sentiasa bersih dan kemas.
- Susunatur sistematik.
- Tidak berhabuk.
- Lantai tidak berdebu, kemas dan tidak berlubang.
- Siling tidak bersawang dan dinding bersih dari kotoran, tiada berlubang /pecah /terkoyak.
- Tiada sampah-sarap di sudut atau di bawah peralatan perabot dan elektronik.

**B5. Keadaan Peralatan : Alat tulis & peralatan di susun kemas, bersih dan boleh digunakan**

- Menyusun alat tulis dengan kemas dan teratur di dalam laci.
- Memastikan semua peralatan dalam keadaan baik dan boleh digunakan
- Memastikan tanda/label bersesuaian bagi barang yang disimpan dalam ruang tertentu/laci
- Memastikan semua peralatan bebas debu, bersih dan kemas

- Mempamerkan tatacara penggunaan untuk peralatan gunsama (yang bersesuaian)
- Mempamerkan arahan/notis bagi memastikan peralatan disusun kemas.

### **B6. Perlabelan & Papan Tanda/Tanda Arah : Lengkap, jelas,seragam dan mudah di lihat**

- Menyediakan tanda nama pegawai/kakitangan pada bilik atau kubikel yang seragam.
- Menyediakan label yang bersesuaian dan seragam bagi menunjukkan seksyen/unit.
- Menggunakan papan tanda/tanda arah dengan tulisan yang sesuai, jelas dan mudah dibaca.
- Meletakkan papan tanda/tanda arah di kedudukan strategik dan mudah dilihat.

### **B7. Perhiasan : Minima, bersih dan imej korporat**

- Menyediakan perhiasan yang minimum antara 1 – 3 item dan selaras dengan imej korporat.
- Memastikan perhiasan yang digunakan tidak berdebu dan dalam keadaan baik.
- Perhiasan yang ada hendaklah seragam mengikut unit/bahagian masing-masing.

### **B8. Keperluan Umum**

- Menyediakan dan memaparkan pelan lantai di tempat yang mudah dilihat
- Menyediakan dan memaparkan pelan lampu / kipas / penghawa dingin (sekiranya yang melebihi satu suis) yang mudah dilihat.
- Memaparkan senarai aset kerajaan (Senarai Aset Alih Kerajaan – Kew PA 7)

yang terkini

- Memastikan bilik / lokasi mempunyai lantikan *Person In Charge* (PIC) atau Pegawai Bertanggungjawab beserta nombor telefon untuk dihubungi.
- Menyediakan dan memaparkan etika/tatacara penggunaan bilik gunasama dengan jelas.
- Merencanakan inisiatif/tindakan proaktif pembaikan sekiranya berlaku kerosakan dengan segera. (Jika ada).
- *Link* aduan kerosakan disediakan untuk makluman dan tindakan segera diambil oleh Pegawai Pembangunan.

### 5.1.3 STOR UTAMA

- Pastikan Stor sentiasa bersih, kemas dan tersusun bagi memudahkan capaian barang, selamat daripada ancaman kebakaran dan bencana alam yang lain.
- Pastikan lantai bersih dari debu dan sampah, dinding bebas dari sawang serta kekotoran dan siling tidak rosak atau berlubang.
- Susunkan setiap barang mengikut kategori yang berbeza agar ia mudah dicapai dan taggingkan setiap barang tersebut.
- Gunakan sistem mySPS secara optimum dan pastikan setiap rekod transaksi inventori stor direkodkan dan dikemaskini.
- Setiap barang yang baru diterima daripada pembekal hendaklah segera disusun di dalam Stor Utama dan didaftarkan ke dalam sistem mySPS dalam tempoh 14 hari.
- Sistem pencegahan kebakaran disediakan (contoh: System Water Sprinkler dan HoseReel).
- Susunan barang perlu berada dalam keadaan kemas, teratur dan mudah untuk dicapai.



Contoh susunan barang dan peralatan di stor utama

#### 5.1.4 STOR UNIT

- Pastikan Stor Penyimpanan Barangan Unit / Program sentiasa bersih, kemas dan tersusun bagi memudahkan capaian barangan / peralatan, selamat daripada ancaman kebakaran dan bencana alam yang lain.
- Susunkan setiap barangan / peralatan mengikut kategori dan keperluan agar ia mudah dicapai sama ada untuk kegunaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) atau untuk simpanan.
- Pastikan barangan / peralatan / rak / almari sentiasa bersih, tidak berhabuk atau berdebu dan berkeadaan baik.
- Taggingkan setiap barang bagi memudahkan capaian .
- Sistem pencegahan kebakaran disediakan (contoh: System Water Sprinkler dan HoseReel).



Susunan barang mengikut jenis dan perlu dilabelkan

#### 5.1.5 BILIK FAIL UTAMA (DOKUMEN KERAJAAN UMUM dan SULIT)

- Pastikan bilik Fail dinamakan dengan nama yang tidak menggambarkan fungsi bilik ini atas sebab keselamatan.
- Saiz bilik hendaklah kondusif, memudahkan pergerakan pegawai, mudah dicapai fail, selamat daripada ancaman kebakaran dan bencana alam yang lain.
- Pastikan bilik ini sentiasa bersih, kemas dan tersusun.

##### 5.1.5.1 Kabinet Dokumen Kerajaan

- Susun setiap fail / tajuk fail mengikut warna yang berbeza agar ianya mudah dikenal pasti dan dicapai.

- Setiap tajuk fail yang telah diasingkan hendaklah disenaraikan dalam SATU (1) buku daftar yang mudah dirujuk di mana ianya selari dengan susunan pada kabinet fail.




Indeks carian perlu disediakan pada setiap kabinet fail

#### 5.1.5.2 Kabinet Fail Berkunci

- Bagi Kabinet Fail berkunci, ianya hendaklah sentiasa dikunci dan hanya boleh diakses oleh pegawai-pegawai tertentu sahaja.
- Senarai fail yang berada di dalam kabinet fail berkunci adalah sulit dan tidak perlu dipaparkan diluar kabinet atas sebab keselamatan.

#### 5.1.5.3 Fail Ditutup / Fail Dilupus

- Bagi fail-fail kerajaan yang dilupuskan atau telah ditutup, ia hendaklah direkodkan, dan diikat. Disimpan di dalam almari yang selamat, terhindar dari habuk dan debu, dan selamat daripada sebarang risiko keselamatan dan kebocoran maklumat.
- Apabila cukup tempoh penyimpanan selama LIMA (5) tahun, fail-fail ini hendaklah dilupuskan mengikut prosedur pelupusan dokumen kerajaan yang betul.



Fail-fail yang dilupuskan atau ditutup, hendaklah direkodkan dan diikat.

#### 5.1.5.4 LABEL FAIL / FILE INDEXING

- Fail berstatus gunasama atau yang dikongsi hendaklah disusun dengan kemas dan mudah capai. Bersihkan habuk dan debu pada rak dan fail.
- Fail tersebut hendaklah dilabelkan bagi memudahkan pegawai lain meminjam dan menggunakannya. Senarai fail juga hendaklah diletakkan pada rak bagi memudahkan pencarian fail.
- Apabila pegawai mengambil salah satu fail, pegawai hendaklah meninggalkan tag index fail pada rak sebagai tanda fail tersebut sedang digunakan. Seterusnya, setiap kali selesai penggunaan, pegawai hendaklah meletakkan semula tag index fail dan menyusun di rak dan ruang yang sama.
- Bagi lokasi yang mempunyai lebih daripada 1 rak fail gunasama, setiap rak hendaklah menggunakan warna kertas yang berbeza bagi memudahkan capaian fail.



Indeks label setiap fail dipaparkan dan disusun mengikut kod yang ditetapkan

#### 5.1.6 BILIK PEMANDU

- Bilik hendaklah sentiasa bersih dari habuk dan bersawang. Susun atur yang kemas dan kondusif.

#### 5.1.7 BILIK SERVER UTAMA

- Pastikan Bilik Server Utama dinamakan dengan nama yang tidak menggambarkan fungsi bilik ini atas sebab keselamatan.
- Saiz bilik hendaklah kondusif, memudahkan pergerakan pegawai, mudahkan proses penambahbaikan fasiliti, selamat daripada ancaman kebakaran dan bencana alam yang lain.
- Pastikan barangan / peralatan elektrik dan elektronik / rak / almari sentiasa bersih, tidak berhabuk atau berdebu serta berkeadaan baik.



- Labelkan setiap peralatan bagi memudahkan capaian peralatan.



Contoh susunan barangan elektrik/elektronik dan alatan pejabat

## 5.2 KOMPONEN C ( TEMPAT UMUM )

### 5.2.1 KAUNTER KHIDMAT PELANGGAN/ RUANG MENUNGGU

- Sistem maklum balas pelanggan perlu disediakan.
- Direktori warga kolej dan borang-borang dan brosur berkaitan perlu disediakan.
- Info kolej / piagam pelanggan dipaparkan.
- Pastikan kaunter sentiasa bersih, kemas tersusun dan ceria serta berimej korporat.



Kaunter utama sentiasa kemas dan berimej korporat

### 5.2.2 RUANG TAMU / MENUNGGU

- Ruang tamu hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih, kemas dan teratur.
- Tong sampah perlu disediakan dan diletakkan di ruang yang mudah dilihat.



Ruang umum perlu dalam keadaan kemas dan kondusif

### 5.2.3 LALUAN UTAMA / KORIDOR

- Memastikan susunan peralatan atau hiasan sepanjang laluan kemas, bersih dan teratur.
- Memastikan tiada halangan di semua laluan dan pintu kecemasan.

#### 5.2.4 BILIK PERSIDANGAN / WAR ROOM / RUANG MESYUARAT


- Kemaskini *signage* dipintu masuk mesyuarat mengikut penggunaan (kosong / mesyuarat).
- Memastikan persekitaran bilik / ruang dalam keadaan bersih, kemas dan selamat.
- Kabel diikat dengan kemas.
- *Whiteboard* dan pemadam diletakkan di tempat yang disediakan.
- Suis peralatan elektrik dimatikan setelah mesyuarat tamat.
- Pegawai bertanggungjawab (pemilik / *ownership*) perlulah dilantik bagi menguruskan kebersihan bilik mesyuarat/bilik bincang (nama pegawai dan nombor untuk dihubungi).



*Signage* / label pada pintu masuk dan gambaran susunatur bilik persidangan

#### 5.2.5 PERPUSTAKAAN

- Memastikan ruang perpustakaan bersih, kemas dan teratur.
- Menyediakan sistem susunan / capaian / label bahan bacaan yang memudahkan capaian pelanggan.
- Menyediakan sistem rekod kawalan untuk memudahkan pemantauan bahan bacaan.



Kod label pada rak buku dan penggunaan sistem memudahkan capaian pengguna

### 5.2.6 SURAU / BILIK SOLAT



Jadual solat dan susun atur telekung di dalam surau


- Kasut dan selipar hendaklah disusun kemas ditempat yang disediakan.
- Semua peralatan/kemudahan (contoh: kemudahan tempat berwuduk) perlu berada dalam keadaan sempurna dan boleh digunakan dengan baik.
- Bilik solat dalam keadaan bersih.
- Penanda arah kiblat hendaklah disediakan.
- Jam dinding disediakan.
- Pakaian solat dan sejadah hendaklah bersih dan disusun kemas serta diletakkan ditempat yang disediakan.
- Jadual waktu solat dipamerkan di ruang yang disediakan
- Menyusun bahan bacaan dan kitab agama disudut yang disediakan.

### 5.2.7 PANTRI

- Pantri sentiasa berada dalam keadaan bersih, kemas serta bebas daripada sebarang serangga/mahluk perosak dan bau yang tidak menyenangkan.
- Semua peralatan /perabot dan perkakas disusun dengan kemas dan teratur setelah digunakan.
- Sinki perlu sentiasa dibersihkan, tidak tersumbat dan tiada sisa makanan.
- Pegawai bertanggungjawab (pemilik /ownership) perlulah dilantik bagi menguruskan kebersihan pantri (nama pegawai dan nombor untuk dihubungi)

### 5.2.8 TANDAS

- Pastikan lantai sentiasa bersih, kering dan tidak berbau.
- Etika dan peraturan penggunaan tandas perlu dipamerkan.
- Pastikan tandas berfungsi dengan baik.
- Jadual petugas kebersihan dipaparkan dan ditandatangani oleh penyelia setiap hari bagi mengesahkan kerja pembersihan dilakukan.



The table is a detailed cleaning schedule for the toilet area. It includes columns for 'LOKASI' (Location), 'JENIS TANDAS' (Type of Toilet), 'MAMPUAN MENYOKONG' (Capacity), 'NO. PUNDAK/LOKASI' (Block/Location No.), and 'JENIS PERSAMAAN' (Type of Facility). The rows list various toilet facilities across different blocks and locations, with columns for 'MAMPUAN MENYOKONG' (Capacity), 'NO. PUNDAK/LOKASI' (Block/Location No.), and 'JENIS PERSAMAAN' (Type of Facility). The table is filled with data, including dates and times, indicating the cleaning schedule for each facility.




Jadual kebersihan tandas dipaparkan dan keadaan tandas sentiasa bersih

### 5.3 KOMPONEN D ( KESELAMATAN PERSEKITARAN )

Langkah-langkah keselamatan yang boleh diambil bagi menjamin keselamatan persekitaran Jabatan/ Agensi adalah seperti berikut :

#### 5.3.1 Pelan Tindakan Kecemasan

- Penyediaan Pelan Tindakan Kecemasan mengandungi :
  - i) Arahan Keselamatan
  - ii) Latihan *Fire - drill* bangunan
  - iii) Tanda Amaran
  - iv) Pelan Laluan Kecemasan dan tempat berkumpul
  - v) Tanda Arahan Laluan Kecemasan
- Menyediakan lampu kecemasan yang mudah dilihat, berfungsi dengan baik dan tiada halangan.



Cadangan pelan laluan kecemasan

### 5.3.2 PENDAWAIAN / KABEL

- Memastikan pendawaian elektrik/telefon/kabel/komputer/mesin/peralatan dalam keadaan kemas, teratur dan selamat.
- Memastikan *plug* gunasama dilabel mengikut kesesuaian peralatan elektrik yang digunakan.
- Peralatan rosak dilaporkan kepada pihak pengurusan dan diselenggarakan dengan segera.



Ikatan kabel set komputer yang kemas

### 5.3.3 PERALATAN PENCEGAHAN KEBAKARAN

- Memastikan alat pemadam api menepati kriteria yang berikut :
  - i) Penyelenggaraan secara berkala dan dipamerkan pelekat tarikh tamat tempoh.
  - ii) Mempunyai tatacara penggunaan.
  - iii) Berkeadaan baik.
  - iv) Diletakkan ditempat yang mudah dicapai.



Alat pemadam api ada maklumat, no siri dan tatacara penggunaan


#### 5.3.4 LALUAN KECEMASAN / TANGGA

- Memastikan pintu rintangan api sentiasa ditutup.
- Memaparkan tanda arah KELUAR dengan jelas.
- Memastikan tiada halangan di laluan / tangga / pintu kecemasan.



- Pastikan bahagian bawah tangga bersih, tidak berdebu dan tiada barang / peralatan.

#### 5.3.5 KUNCI



Kunci-kunci lokasi di Kolej Komuniti Segamat 2


- KKS2 mempunyai Sistem Maklumat Kunci yang dibangunkan oleh Kolej Komuniti Segamat 2 dan sistem ini WAJIB digunakan oleh semua warga KKS2 dan pekerja kontrak yang ingin mengakses sebarang ruang / lokasi / bilik / bengkel / makmal dan sebagainya.
- Sistem ini adalah inisiatif pengamalan teknologi hijau. Ia dibina sebagai:
  - Sistem penyimpanan maklumat kunci secara kolektif dan berpusat.
  - Meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengguna.
  - Mengoptimumkan penggunaan ICT yang merangkumi perisian dan perkakasan digital yang terdapat di KKS2.



### 5.3.5.1 Sistem Maklumat Kunci versi laman sesawang

#### A. Peminjaman Kunci:-

- Sistem Maklumat Kunci versi laman web boleh diakses secara atas talian pada URL <http://kunci.feenix.my>.
- Pengguna perlu log masuk ke dalam sistem bagi memulakan operasi peminjaman dan pemulangan kunci.
- Proses peminjaman kunci bermula dengan klik pada kod kunci (biru) yang akan digunakan dan klik butang **Pinjam**.
- Proses peminjaman kunci selesai. Ruangan kod kunci yang dipilih bertukar kepada warna merah. Pengesahan peminjaman juga dipaparkan.



Proses peminjaman kunci

#### B. Pemulangan Kunci:-

- Bagi pemulangan kunci, klik pada kod kunci (merah) yang hendak dipulangkan.
- Maklumat pemulangan kunci akan dipaparkan.
- Klik pada butang **Pemulangan** seperti pada paparan di bawah bagi meneruskan proses pemulangan kunci.



Proses pemulangan kunci

- Proses pemulangan kunci selesai. Ruangan kod kunci yang dipilih bertukar kepada warna biru semula. Pengesahan pemulangan juga dipaparkan.

### 5.3.5.2 Sistem Maklumat Kunci versi capaian Kod QR

#### A. Peminjaman Kunci:-

- Bagi memudahkan capaian sistem ini, teknologi Kod QR digunakan untuk memudahkan capaian pengguna kepada sistem ini.



Kod QR digunakan untuk rekod peminjaman dan pemulangan kunci

- Pengguna perlu mengimbas Kod QR pada tag kunci menggunakan sebarang aplikasi pengimbasan Kod QR yang boleh dipasang secara percuma.
- Bagi melaksanakan proses merekod peminjaman kunci, pengguna hanya perlu merekod Nama Pengguna (*username*) dan kata laluan, seterusnya menekan butang **Pinjam Kunci**.
- Paparan maklumat peminjam akan dipaparkan untuk pengesahan rekod.



Rekod Peminjaman Kunci

### B. Pemulangan Kunci:-

- Setelah selesai menggunakan lokasi / ruang, pengguna hanya perlu mengimbas semula Kod QR pada tag kunci.
- Seterusnya, memasukkan Nama Pengguna (*username*) dan kata laluan serta menekan butang Pinjam Kunci.
- Paparan maklumat pemulangan akan dipaparkan sebagai pengesahan rekod proses pemulangan kunci.



Rekod Pemulangan Kunci

#### 5.4 KOMPONEN E (KAWASAN PERSEKITARAN JABATAN)

- Menyediakan tempat meletak kenderaan yang sesuai untuk Pekerja, pelawat VIP, pelawat harian dan OKU.
- Menyediakan tanda/garisan yang jelas antara lot-lot tempat letak kenderaan yang disediakan.



Garisan parkir motor dan parker OKU yang jelas untuk pengguna

- Sistem kawalan laluan keluar masuk yang mudah difahami dan dipatuhi dan jelas dipamerkan.
- Jalan di kawasan persekitaran pejabat berkeadaan baik dan tidak berlubang/rosak dan lampu jalan berfungsi serta berkeadaan baik.
- Memastikan pondok pengawal dalam keadaan baik dan bersih.
- Tanaman/pokok dijaga rapi dan tiada pokok rosak/mati di sekitar kawasan.
- Pili bomba tidak dihalang dan dalam keadaan baik.

## 5.5 KOMPONEN F (TEMPAT KHUSUS)

### 5.5.1 DEWAN KULIAH / BILIK SEMINAR / BILIK KULIAH / MAKMAL / STUDIO / BILIK MASAKAN/ BILIK JAHITAN / BENGKEL ELEKTRIK / DEWAN UTAMA

- Info penggunaan dipaparkan dalam keadaan baik dan terkini.
- Semua peralatan dilabel dengan betul, disusun dengan kemas dan berkeadaan baik.
- Semua tempat dan ruang hendaklah sentiasa bersih, kemas dan selamat.
- Peralatan Peti kecemasan perlu ada sebagai persediaan sekiranya berlaku kecederaan ringan.
- Menyediakan peraturan atau *Standard Operating Procedure(SOP)* bagi setiap Mesin / alatan / bahan yang digunakan.
- Susunan perabot kemas hendaklah sentiasa kemas dan bersih.

### 5.5.2 KAFETARIA

- Memastikan persekitaran bersih, baik dan selamat
- Semua peralatan disusun dengan kemas dan berkeadaan baik

### 5.5.3 PARKIR KENDERAAN

- Memastikan garisan parkir disediakan dan nampak jelas.
- Papan tanda "Parking Undur" perlu di paparkan dengan jelas.
- Kemas, bersih dan selamat



Kenderaan dalam keadaan parkir undur

#### 5.5.4 GELANGGANG TERBUKA

- Memastikan persekitaran bersih, baik dan selamat.
- Memastikan semua peralatan dilabel dengan betul, disusun dengan kemas dan berkeadaan baik.
- Memaparkan etika / peraturan penggunaan bagi peralatan gunasama.




Gelanggang terbuka perlu sentiasa diselenggara agar ia sentiasa selamat digunakan

#### 5.5.5 BILIK GYMNASIUM / BILIK SUKAN

- Peralatan berada dalam keadaan yang baik, teratur dan selamat digunakan.
- Cara penggunaan *Standard Operating Procedure (SOP)* setiap peralatan dipaparkan bagi kemudahan pengguna.

#### 5.5.6 MAKMAL KOMPUTER


- Memastikan persekitaran bersih, kemas, tersusun dan selamat.
- Plug dilabel mengikut sumber (monitor, printer, speaker dll).
- Semua peralatan disusun dengan kemas, berkeadaan baik dan selamat.
- Semua perkakasan ICT perlu mempunyai SOP yang bersesuaian.



Susun atur meja dan set komputer di dalam makmal komputer

### 5.5.7 BENGKEL

- Memastikan persekitaran bengkel bersih, kemas dan selamat.
- Memastikan semua peralatan dalam keadaan baik dan tersusun.
- Memaparkan tatacara penggunaan alatan yang bersesuaian.



Susun atur peralatan di Bengkel dan Studio



KONDUSIF & **PRODUKTIF** @ KKS2

PENUTUP

## 6.0 PENUTUP

Warga Kolej Komuniti Segamat 2 haruslah menjadikan EKSA sebagai usaha untuk mewujudkan persekitaran tempat kerja yang bersih, kemas dan selamat serta dapat meningkatkan produktiviti kerja. EKSA hendaklah diterapkan agar menjadi sebahagian daripada budaya kerja cemerlang dan terus menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan dan peningkatan imej Kolej Komuniti Segamat 2.





KONDUSIF & **PRODUKTIF** @ KKS2

# LAMPIRAN

KOMPONEN PEMARKAHAN AUDIT PEMATUHAN EKSA (MAMPU)

**KRITERIA EKSA GENERIK  
KOMPONEN A: KOMPONEN GENERIK (KEPERLUAN UTAMA PELAKSANAAN)**

Kriteria / Pemarkahan		1	2	3	4	5
<b>A1) DASAR / POLISI EKSA</b>						
1	Menyediakan Garis Panduan selaras dengan Dasar EKSA agensi.	Garis panduan tidak disediakan		Garis panduan disediakan kepada sebahagian warga agensi		Garis panduan disediakan kepada semua warga agensi
2	Menyebarkan Dasar dan Garis Panduan EKSA serta memastikan semua warga kerja memahaminya.	Dasar dan Garis Panduan EKSA tidak disebarkan		Dasar dan Garis Panduan EKSA disebarkan dan difahami oleh sebahagian warga		Dasar dan Garis Panduan EKSA disebarkan dan difahami oleh semua warga
3	Memastikan Amalan EKSA diamal dan dipatuhi oleh semua warga agensi.	Amalan EKSA tidak diamal dan dipatuhi oleh warga agensi		Amalan EKSA diamal dan dipatuhi oleh sebahagian warga agensi		Amalan EKSA diamal dan dipatuhi oleh semua warga agensi
4	Memastikan dokumentasi berkaitan pelaksanaan EKSA termasuk perkara berikut disusun dengan teratur dan sentiasa dikemaskini: i. Minit mesyuarat ii. Surat lantikan Jawatankuasa iii. Laporan aktiviti Jawatankuasa	Dokumentasi tidak teratur dan tidak dikemaskini		Sebahagian dokumentasi teratur dan dikemaskini		Semua dokumentasi teratur dan dikemaskini
5	Mewujudkan keseragaman pelaksanaan EKSA seperti ketetapan agensi/garis panduan yang dibangunkan oleh agensi.	Tiada keseragaman		Keseragaman pada sebahagian agensi		Keseragaman pada keseluruhan agensi
6	a) Menyedia dan memaparkan SUDUT EKSA di tempat yang strategik (secara maya atau fizikal) dan mengandungi perkara berikut: i. Dasar EKSA agensi ii. Carta organisasi iii. Gambar aktiviti Sebelum & Selepas iv. Pelan lantai v. Informasi/hebahan vi. Carta Perbatuan semasa vii. Tarikh kemaskini sudut EKSA	Sudut EKSA tidak disediakan	Sudut EKSA disediakan tetapi hanya mengandungi dua perkara seperti dicadangkan	Sudut EKSA disediakan tetapi hanya mengandungi tiga hingga empat perkara seperti dicadangkan	Sudut EKSA mengandungi semua perkara seperti dicadangkan	Sudut EKSA mengandungi semua perkara seperti dicadangkan serta dipaparkan secara kreatif dan inovatif

Kriteria / Pemarkahan		1	2	3	4	5
	b) Memastikan maklumat dan bahan yang dipaparkan sentiasa dikemaskini dan dalam keadaan baik.	Tidak terkini dan tidak berada dalam keadaan baik		Sebahagian sahaja yang terkini dan dalam keadaan baik		Terkini dan berada dalam keadaan baik
<b>A2) JAWATANKUASA PELAKSANA EKSA</b>						
7	a) Membentuk dan melantik Jawatankuasa Pelaksana EKSA yang terdiri sekurang-kurangnya tiga (3) Jawatankuasa seperti berikut: i. Jawatankuasa Latihan ii. Jawatankuasa Promosi iii. Jawatankuasa Audit	Jawatankuasa Pelaksana tidak dibentuk dan tidak dilantik		Jawatankuasa Pelaksana dibentuk dan dilantik tetapi hanya mempunyai satu hingga dua jawatankuasa yang disyorkan		Jawatankuasa Pelaksana dibentuk dan dilantik serta mempunyai semua jawatankuasa yang disyorkan
	b) Melantik fasilitator terlatih sebagai pakar rujuk pelaksanaan Ekosistem EKSA.	Fasilitator tidak dilantik		Fasilitator dilantik tapi tidak terlatih		Fasilitator telah dilantik dan terlatih
8	Merancang dan melaksana program/aktiviti EKSA secara berkala seperti berikut: i. Menyedia dan mengemaskini carta perbatuan aktiviti ii. Menyebarkan maklumat latihan, promosi dan audit iii. Melaksana program pengayaan ilmu	Program/aktiviti EKSA tidak dirancang dan dilaksanakan		Program/aktiviti EKSA dirancang tetapi tidak dilaksanakan		Program/aktiviti EKSA dirancang dan dilaksanakan
<b>A3) PENGLIBATAN PENGURUSAN ATASAN</b>						
9	Melibatkan pengurusan atasan sebagai penaung/penasihat EKSA.	Pengurusan atasan bukan penaung / penasihat EKSA				Pengurusan atasan sebagai penaung / penasihat EKSA
10	Melibatkan pengurusan atasan dalam aktiviti EKSA seperti program kesedaran/pendedahan dan lawatan.	Program tidak dilaksanakan	Mempunyai program kesedaran/pendedahan yang kurang aktif	Mempunyai program kesedaran/pendedahan yang aktif tanpa penglibatan pengurusan atasan	Mempunyai program kesedaran/pendedahan yang aktif dengan sebahagiannya melibatkan pengurusan atasan	Mempunyai program kesedaran/pendedahan yang aktif dengan penglibatan pengurusan atasan sepenuhnya

Kriteria / Pemarkahan		1	2	3	4	5
11	Membentang dan melaporkan pelaksanaan aktiviti EKSA dalam mesyuarat pengurusan.	Aktiviti EKSA tidak dibentang dan dilaporkan dalam mesyuarat pengurusan		Sebahagian aktiviti EKSA dibentang dan dilaporkan dalam mesyuarat pengurusan		Semua aktiviti EKSA dibentang dan dilaporkan dalam mesyuarat pengurusan
<b>A4) PENILAIAN KENDIRI (SELF ASSESSMENT)</b>						
12	Melaksana Audit Pematuhan/Audit Dalam secara berterusan sama ada oleh JK dalaman atau agensi luar/lain sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.	Audit Dalam tidak dilaksanakan		Audit Dalam dilaksanakan sekali dalam satu tahun		Audit Dalam dilaksanakan mengikut jadual
13	Menyebarkan hasil/laporan Audit Dalam untuk makluman dan tindakan susulan warga agensi.	Hasil/laporan Audit Dalam tidak disebarkan		Hasil/laporan Audit Dalam disebarkan kepada sebahagian warga		Hasil/laporan Audit Dalam disebarkan kepada semua warga
14	Mengemukakan laporan Penilaian Kendiri kepada MAMPU selepas setahun menerima pensijilan <b>(hanya untuk pensijilan semula)</b>	Laporan Penilaian Kendiri tidak dikemukakan kepada MAMPU				Laporan Penilaian Kendiri dikemukakan kepada MAMPU
<b>A5) PENGIKTIRAFAN</b>						
